

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]
TARIKH : 17 JUN 2015
SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk mewujudkan lebih banyak Klinik Kesihatan di kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi dan sesuai dengan populasi di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang merancang untuk mewujudkan lebih banyak klinik kesihatan di kawasan yang berkepadatan tinggi. Diantara faktor penting yang diambilkira dalam perancangan pembinaan sesebuah klinik kesihatan adalah adanya tapak yang sesuai.

Selain dari pembinaan klinik baru, KKM juga mengambil pendekatan lain dengan menaiktaraf klinik sedia ada bagi menampung peningkatan

kepadatan penduduk serta menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif.

Klinik-klinik di kawasan yang berkepadatan tinggi juga mempunyai perkhidmatan pakar kesihatan keluarga bagi menangani isu-isu kesihatan yang lebih kompleks.